



## **Garis Panduan Pelaksanaan dan Pemantauan Pembelajaran Teradun (Mod Gantian) di UNIMAS**

### **1. Tujuan**

Garis panduan ini bertujuan menyediakan panduan kepada semua warga akademik Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) tentang proses pelaksanaan dan pemantauan pembelajaran teradun (mod gantian) supaya proses ini dapat dijalankan dengan lebih berkesan dan teratur. Ia juga memberi sumber maklumat dan penerangan kepada fakulti dan pusat pengajian untuk merangka strategi bagi melaksana dan memantau pelaksanaan pembelajaran teradun (mod gantian) ini.

### **2. Pengenalan**

- 2.1 Pelaksanaan pembelajaran teradun boleh dibahagikan kepada dua mod utama iaitu mod sokongan dan mod gantian. Mod sokongan adalah merujuk kepada penggunaan pembelajaran dalam talian yang menyokong penyampaian bersemuka manakala mod gantian pula merujuk kepada pembelajaran dalam talian yang menggantikan secara langsung pembelajaran bersemuka.
- 2.2 Setakat ini, polisi e-Pembelajaran UNIMAS hanya menggariskan panduan untuk pembelajaran teradun (mod sokongan). Definisi operasi (OD) pembelajaran teradun (mod sokongan) yang digunakan di UNIMAS adalah merujuk kepada kursus yang menggabungkan pendekatan pembelajaran mod dalam talian dan mod pembelajaran bersemuka dengan 30%-80% kandungan dan aktiviti serta penilaian kursus dikendalikan secara dalam talian (CAP e-Pembelajaran 2014, KPM).
- 2.3 Rasional kepada usul pembelajaran teradun secara mod gantian ini adalah untuk memperkayakan pengalaman pembelajaran pelajar melalui pendekatan dalam talian dengan mereka bentuk pelbagai jenis aktiviti dalam talian yang menarik dan berkesan untuk mereka. Mod gantian juga selari dengan kaedah pembelajaran fleksibel yang membenarkan pelajar belajar pada bila-bila masa dan di mana sahaja. Dengan wujudnya pembelajaran teradun (mod gantian), proses pembelajaran dan pengajaran tidak hanya terbatas pada masa yang terhad di ruang fizikal kuliah yang bersesuaian dengan perkembangan pembelajaran abad ke-21.

### **3. Pelaksanaan**

- 3.1 Pelaksanaan pembelajaran teradun (mod gantian) di UNIMAS adalah antara 30% sehingga 80% daripada Jam Pembelajaran Pelajar (Student Learning Time, SLT) dalam sesuatu semester penuh dan perlu dilaksanakan secara teratur dan mempunyai dokumentasi yang betul.
- 3.2 Staf akademik perlu menyatakan dan melabelkan dengan jelas di pelantar e-Pembelajaran UNIMAS (eLEAP) minggu kuliah yang dijalankan \*secara dalam talian" dengan menggunakan label "pembelajaran teradun (mod gantian)".



- 3.3 Pelajar perlu dimaklumkan tentang minggu kuliah yang akan digantikan dengan pembelajaran teradun (mod gantian) dan arahan tugas/aktiviti bagi kuliah berkenaan perlu dinyatakan dengan jelas di eLEAP.
- 3.4 Pelaksanaan pembelajaran teradun (mod gantian) perlulah dipetakan kepada Unit Pembelajaran (*Learning Unit – LU*) dan Hasil Pembelajaran Kursus (*Course Learning Outcomes – CLO*) yang berkaitan.
- 3.5 Kehadiran pelajar pada minggu yang dilaksanakan pembelajaran teradun (mod gantian) perlu direkodkan melalui mekanisme yang dirasakan sesuai oleh pensyarah. Contohnya pelajar hanya akan dikira hadir sekiranya melengkapkan aktiviti yang ditetapkan pada minggu tersebut.

#### 4. Elemen Pembelajaran Teradun (Mod Gantian)

- 4.1 Tiga (3) elemen e-Pembelajaran (bahan pembelajaran, aktiviti pembelajaran dan pentaksiran) perlu diwujudkan dan dinyatakan dengan jelas bagi minggu kuliah yang dijalankan secara mod gantian. Perincian elemen-elemen tersebut adalah seperti berikut.
  - 4.2 Bahan PembelajaranBahan pembelajaran yang disediakan boleh dalam format multimedia(video, audio, imej, grafik atau teks) yang bersesuaian dengan pembelajaran pelajar. Antara bahan pembelajaran dalam talian yang sesuai adalah:
    - Video pengajaran (*instructional video*)
    - Penstriman video secara langsung (*live video streaming*)
    - Rakaman sesi kuliah (*classroom lecture*)
    - Rakaman audio (*Audio podcast*)
    - Rakaman skrin (*Screencast*)
    - Pembentangan berbentuk penceritaan (*narrated presentation*)
    - Animasi,menggunakan powtoon dan sebagainya.
    - Simulasi maya (VR/MR)
    - Video temu bual
    - Video sesi praktikal/makmal
    - Artikel
    - Petikan
    - Lain-lain e-kandungan yang sesuai

#### 4.3 Aktiviti Pembelajaran

Antara aktiviti pembelajaran dalam talian yang boleh dijalankan ialah

- Aktiviti kolaboratif (contoh: perbincangan, forum, perkongsian konten digital, peta minda)
- Kandungan interaktif
- Simulasi
- Refleksi
- Kaji selidikLain-lain aktiviti yang sesuai



#### 4.4. Pentaksiran

- 4.4.1 Pentaksiran yang dijalankan dalam pembelajaran teradun mod gantian boleh dilaksanakan dengan tujuan untuk menguji kemajuan pembelajaran (*formative assessment*) atau sebagai maklum balas kepada pensyarah tentang kelemahan dan kekuatan pelajar dalam penguasaan sesuatu kandungan atau kemahiran. Pemberian markah kepada sebarang pentaksiran yang dijalankan dalam talian adalah tidak wajib dan tertakluk kepada perancangan kursus pensyarah tersebut.
- 4.4.2 Contoh-contoh pentaksiran dalam talian yang boleh dilakukan adalah
- Kuiz
  - Penghantaran tugas/laporan
  - Refleksi
  - Lain-lain kaedah pentaksiran yang bersesuaian

### 5. Pemantauan

- 5.1 Pelaksanaan pembelajaran teradun (mod gantian) perlulah melalui proses yang ditetapkan seperti berikut:
- i. Menetapkan minggu mod gantian dalam pelan kursus
  - ii. Mendapat kelulusan daripada pihak pengurusan atasan fakulti untuk menjalankan pembelajaran teradun (mod gantian)
  - iii. Memaklumkan kepada Jawatankuasa e-Pembelajaran (eLEAP) Fakulti
  - iv. Melaksanakan pembelajaran dalam talian sebagai gantian sesi bersemuka
  - v. Membuat dokumentasi pelaksanaan pembelajaran teradun (mod gantian) untuk dimuatkan dalam porfolio kursus
- 5.2 Pelaksanaan dan pemantauan pembelajaran teradun (mod gantian) dijalankan oleh beberapa pihak seperti berikut:
- 5.2.1 Penyelaras e-Pembelajaran (eLEAP) fakulti/pusat
- Memberi bantuan kepada staf akademik di fakulti/pusat masing-masing yang membuat permohonan untuk pelaksanaan pembelajaran teradun (mod gantian).
  - Memantau pelaksanaan pembelajaran teradun (mod gantian) dijalankan mengikut panduan yang disediakan oleh pihak CALM.
  - Melapor pencapaian pelaksanaan pembelajaran yang dijalankan dengan menggunakan templet yang disediakan oleh pihak CALM dan perlu dihantar kepada Dekan dan Penyelaras Program fakulti/pusat secara berkala. Pelaporan hanya dijalankan kepada kursus yang telah diluluskan permohonan untuk menjalankan pembelajaran teraduan (mod gantian).
  - Melapor pelaksanaan pembelajaran teradun (mod gantian) bagi setiap semester dalam mesyuarat Jawatankuasa e-Pembelajaran.

#### 5.2.2 Dekan Fakulti/Pusat

- Memantau pelaksanaan pembelajaran teradun (mod gantian) yang dijalankan oleh staf akademik di fakulti atau pusat masing-masing agar sentiasa mematuhi panduan yang digariskan. Pemantauan ini boleh dilakukan dengan bantuan penyelaras program dan penyelaras e-Pembelajaran di fakulti/pusat.

#### 5.2.3 CALM

- Memberikan taklimat serta menganjur dan mengkoordinasi program latihan dalam usaha pembudayaan pembelajaran teradun (mod gantian).
- Menyediakan garis panduan untuk rujukan pemegang taruh pembelajaran teradun (mod gantian).
- Menyediakan templat penyediaan laporan pelaksanaan pembelajaran teradun mod gantian.
- Memantau tahap pelaksanaan mengikut pelaporan daripada pihak Penyelaras e-Pembelajaran (eLEAP) fakulti/pusat kepada Jawatankuasa e-Pembelajaran.

#### 5.2.4 Staf akademik

- Memastikan pembelajaran teradun (mod gantian) dilaksanakan mengikut garis panduan.
- Melaksanakan pembelajaran teradun (mod gantian) dengan berkesan untuk pengajaran dan pembelajaran kursus.
- Membuat dokumentasi pelaksanaan pembelajaran teradun (mod gantian) untuk dimuatkan dalam porfolio kursus
- Membuat pelaporan berkala kepada pihak fakulti/pusat tentang pelaksanaan pembelajaran teradun (mod gantian).

### 6. Amalan Terbaik Pelaksanaan Pembelajaran Teradun Mod Gantian

- 6.1 Pelaksanaan pembelajaran teradun mod gantian secara berterusan untuk 4 minggu (sesi kelas gantian dalam talian yang maksimum) adalah tidak digalakkan.
- 6.2 Staf akademik digalakkan berinteraksi dengan pelajar secara dalam talian serta memberi maklum balas kepada persoalan pelajar.
- 6.3 Menyediakan ruang komunikasi kepada para pelajar untuk saling berinteraksi dan membangun komuniti pembelajaran dalam talian yang efektif dan aktif.
- 6.4 Memberi penerangan instruksional dan kehendak (*expectations*) yang jelas kepada pelajar apabila memberi tugas atau kandungan pembelajaran dalam talian. Staf akademik digalakkan memberi contoh yang bersesuaian kepada pelajar sebagai rujukan.
- 6.5 Pensyarah digalakkan menggunakan pedadogi yang bersesuaian dengan pembelajaran dalam talian supaya pembelajaran berlangsung dengan efektif.



- 6.6 Perkongsian bahan pembelajaran haruslah mengambil kira masa pembelajaran yang diperlukan oleh pelajar. Jumlah masa yang diperlukan mestilah logik dan sesuai seperti *Student Learning Time* (SLT) yang ditentukan dalam Pelan Kursus.
- 6.7 Menyediakan aktiviti dan pentaksiran pembelajaran dalam talian yang fleksibel dari segi masa untuk pelajar melengkapkan aktiviti dan pentaksiran.
- 6.8 Menggunakan pendekatan yang lebih berpusatkan pelajar (*student-centered*) untuk meningkatkan keterlibatan pelajar dalam pembelajaran dalam talian.
- 6.9 Susunan modul pembelajaran dalam talian perlulah jelas, senang dibaca, dan dilabel dengan jelas supaya pelajar dapat mengikuti pembelajaran dalam talian secara sistematis.

## 7. Hal-hal Lain

- 7.1 Garis panduan ini harus diteliti bersama dengan Dasar e-Pembelajaran Negara 2.0 (DePAN), Jabatan Pendidikan Tinggi dan Dasar e-Pembelajaran UNIMAS Versi 2.0.
- 7.2 Pihak CALM akan memaklumkan kepada staf akademik dari semasa ke semasa jika terdapat sebarang perubahan dari segi komponen/kriteria pelaksanaan dan pemantauan pembelajaran teradun (mod gantian).

## 8. Tarikh Kuatkuasa

Garis panduan ini berkuatkuasa dari tarikh ia diluluskan oleh Senat pada 4 Disember 2019, Senat Bil. 09/2019 Ke-185.